

Tiada nama, tarikh pada makam srikandi

B.M 30/11/07 MS 11

JIKA dianalisis daripada catatan yang terpahat pada batu nisan di makam Tun Teja di Kampung Pengkalan Samak, Merlimau, Melaka, dapat disimpulkan bahawa semua yang tercatat mengandungi doa memuji Allah. Bagaimanapun, tidak ada tarikh atau nama pada batu nisan terbabit.

Selain itu, seperti yang dinyatakan, nisan berkenaan adalah kepunyaan seorang wanita istana. Punca tidak ada nama dan tarikh pada batu nisan itu belum diketahui, tetapi ada kemungkinan keadaan pada masa itu tidak mengizinkan kerana rombongan sultan sedang melarikan diri dari Portugis.

Biasanya nama dan tarikh meninggal dunia pada sesebuah batu nisan milik pembesar hanya dibuat jika keadaan aman. Jika berlaku peperangan atau sebarang keadaan huru-hara, tempoh untuk menyediakan batu nisan yang lengkap adalah sukar kerana ia perlu ditempa, selain kerja memahat nama dan lain-lain ayat memerlukan tukang yang mahir.

Sebab itu, untuk memudahkan sultan, nisan ditempa terlebih duluan ini bermakna sememangnya tersimpan nisan yang sudah disiapkan. Mengikut karya Sheikh Nuruddin Al Raniri iaitu *Bustan Al-Salatin* ada menjelaskan seorang putera Pahang bernama Ahmad Syah meninggal dunia di Aceh. Sultan Aceh pada waktu itu, Sultan Alauddin Mughayat Syah, menghantar satu rombongan ke Pahang untuk mengambil batu nisan untuk keturunannya itu.

Ini membuktikan bahawa sebelum seseorang itu mati nisannya sudah sedia menunggu manakala di istana juga sudah ada beberapa pasang nisan untuk kegunaan raja dan keturunannya.

Batu nisan yang tidak mempunyai nama seperti di makam Tun Teja banyak terdapat bukan saja di Tanah Melayu malah di Kemboja, Sumatera dan Jawa.

Selain Merlimau, ada penduduk di beberapa kawasan lain mendakwa makam Tun Teja sebenarnya berada di tempat lain. Contohnya, Tun Teja dimakamkan di Kesang Laut, Muar. Malangnya dakwaan itu tidak mempunyai bukti kukuh.

Ia hanya berpandukan kepada tradisi lisan penduduk setempat. Makam berkenaan hanya ditandakan dengan dua ketul batu merah biasa.

Ayat di batu nisan Makam Tun Teja

- Ada empat ayat di batu nisan itu diterjemahkan ke dalam bahasa rumi berbunyi:

"La illaha illa'llah
Muhammad darasul ullah
(Barisan ini tidak dapat dibaca)
Rabbana wa rabbil halaqul aj
ma'in."

- Ini dapat diterjemahkan sebagai:

"Tiada Tuhan lain yang disembah
melainkan Allah
Nabi Muhammad itu pesuruh
Allah
(Barisan ini tidak dapat dibaca)
Wahai Tuhan kami dan Tuhan
segala makhluk sekalian."